

01 FEBRUARI 2018

Minuman berperisa ecstasy

Minuman berperisa ecstasy

Polis tahan tiga suspek termasuk seorang wanita, rampas serbuk dadah

SERI KEMBANGAN - Polis menahan tiga suspek termasuk seorang wanita dan merampas dadah jenis ecstasy serta minuman berperisa anggur dan teh limau ais yang disyaki dicampur dengan dadah tersebut.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Mohamad Aminuddin Megat Alias berkata, hasil risikan dilakukan 27 Januari lalu, Bahagian Stiasatan Jenayah Narkotik Serdang menahan seorang lelaki berusia lingkungan 20-an di kawasan Taman Sungai Besi Indah.

Menurutnya, polis merampas empat paket plastik berwarna perak mengandungi serbuk dadah jenis Ecstasy seberat 55.6 gram yang menyerupai serbuk minuman.

Hasil penahanan lelaki terbabit, polis kemudian menahan dua lagi suspek di Seri Kembangan termasuk



Dadah jenis ecstasy serta botol minuman berperisa anggur dan teh limau ais disyaki bercampur dadah yang dirampas selepas polis menahan tiga suspek.



seorang wanita berusia lingkungan 20-an dan merampas 15 biji pil pelbagai warna disyaki dadah jenis Ecstasy dan 12 botol minuman berperisa disyaki dicampurkan dengan serbuk dadah itu.

"Kita percaya semua minuman ni diedarkan kepada pelanggan

tertentu. Nilai pasaran rampasan dadah adalah dianggarkan RM6,000.

"Saya nasihatkan orang ramai khususnya golongan muda supaya berhati-hati dengan taktik pengedaran dan penggunaan dadah seumpama ini di premis-premis

hiburan.

"Polis akan terus menggiatkan risikan dan pengumpulan maklumat bagi membasmi pengedaran dan penggunaan sebarang jenis dadah," katanya.

Beliau berkata, turut dirampas sebuah kenderaan jenis Perodua

Kancil dan Perodua Bezza disyaki digunakan bagi tujuan pengedaran dadah.

Kes disiasat mengikut seksyen 39 B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman gantung sampai mati jika disabitkan kesalahan.